

# Qalam

---

---

Bilangan 118 Zulkaedah 1379 Mei, 1960 60 sen

---

---

## Takziah dan Tahniah

Pada bulan yang lalu Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad, telah mangkat. Kemangkatan baginda adalah sangat mengejutkan dan tidak disangka-sangka - *inna lillāhi wa innā ilayhi rāji'ūn*. Kita mengucapkan sangat-sangat berdukacita atas kemangkatan baginda yang banyak jasanya terhadap negara dan tanah air. Mudah-mudahan Allah akan mencucuri rahmat kelimpahan ke atas roh baginda, *Āmīn*.

Dengan kemangkatan baginda, maka Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Yang Maha Mulia Tuanku Hisamuddin Alam Shah, Sultan Selangor telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong. Dengan lantikan baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong, maka seluruh umat Islam khususnya sangat-sangat bersukacita kerana baginda adalah seorang Sultan Melayu yang sangat taat kepada ajaran agamanya.

Orang-orang Islam cukup mengetahui tentang keadaan baginda ini dan kerana itulah umat Islam berharap keutamaan dalam pelajaran agama, di dalam rakyat baginda sangat diharap dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan lebih meluas.

\* \* \*

## Jagalah Persatuan

Terbit daripada siaran Muhammadiyah Singapura, maka banyak timbul perkara bidas-membidas yang tidak diinginkan timbul sehingga pensyarah-pensyarah agama di dalam syarahannya telah

membidas-bidas dan menyindir-nyindir batang tubuh orang. Untuk menimbulkan rasa kebencian di antara orang-orang Islam sesama Islam. Cara ini, jika berkepanjangan sudah tentu kelak akan membawa riak-riak yang tidak diinginkan.

Muhammadiyah menerbitkan suatu risalah yang di dalamnya telah membawa perkara-perkara perselisihan faham di dalam perkara agama (perkara khilafiah) dengan suatu cara yang tidak mudah diterima ramai. Cara mereka menerbitkan risalah itu dipandang oleh sebahagian orang bukanlah dengan suatu cara yang akan memberi faedah sebagaimana mestinya kepada masyarakat tetapi caranya adalah boleh menerbitkan perkara-perkara yang menimbulkan salah ambilan orang.

Sepatutnya *Muhammadiyah* hendaklah menggunakan cara-cara yang bijaksana dalam menyampaikan pengertian mereka. Mereka seharusnya hendaklah menyusun suatu cara di dalam siarannya dengan rapi dan teratur serta menggunakan hujah-hujah yang maakul dengan tidak menyentuh pendapat orang lain apalagi meletakkan sesuatu cabaran kecekaman ke atas orang lain terasa akan pedihnya akan apa yang dikatakan atau disebut oleh risalah Muhammadiyah itu.

Kurang membawa kebijaksanaan dalam menghadapi umat adalah suatu cara yang kurang baik. Sama ada Muhammadiyah atau pun lainnya masing-masing hendaklah ingat bahawa tanggungjawab yang besar kepada mereka ialah merapatkan *ukhuwwah* atau persaudaraan sesama Islam. Adalah sangat-sangat dilaknat bagi seseorang yang memecahkan persatuan umat Islam. Kerana itu mana-mana pihak pun hendaklah menjaga persatuan itu.

Mana-mana ada didapati pertentangan maka masing-masing hendaklah menjauhkan perkara itu. Kalau hendak menerangkan terangkanlah dengan cara atau kaedah yang baik, tidak terus menyalahkan orang lain. Berilah orang ramai dengan perasaan yang tenang memikirkannya. Dengan cara-cara ini maka dapatlah masing-masing memberi pandangan dengan tidak sekali-kali menyentuh atau menyakiti orang lain. Dengan ini juga orang ramai

**sambungan pada muka 5**